

# PM rasmi sambutan Hari Peladang 11 Ogos

UM 18 JUL 2001

KUALA LUMPUR, 11 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2001 pada 11 Ogos ini.

Menteri Pertanian, Datuk Dr. Mohd. Effendi Norwawi berkata, sambutan yang bertemakan 'Pertanian Moden Membina Negara' itu akan diadakan di Ladang Infoternak, Sungai Siput, Perak.

Menurut beliau, sambutan kali ini akan mendedahkan kepada para petani beberapa teknologi baru dalam bidang pertanian.

"Teknologi baru ini diharapkan dapat menarik minat para peladang, penternak dan nelayan mengguna pakai cara-cara baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan sambutan

an Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Effendi berkata, sambutan tersebut akan memamerkan sumbangan dan penglibatan sektor

swasta dalam memajukan bidang pertanian di negara ini.

Katanya, sambutan daripada pihak swasta amat menggalakkan apabila banyak sumbangan diterima daripada mereka.

"Transformasi pertani-

an hanya boleh dijayakan menerusi penglibatan pihak swasta secara besar-besaran," jelasnya.

Menerusi sambutan tersebut, katanya, ia mampu meningkatkan kesedaran kepada para petani supaya perubahan perlu dila-

kukan dalam meningkatkan hasil pengeluaran pertanian.

"Pertanian moden merupakan jentera pertumbuhan yang ketiga penting di negara kita," katanya.